

**Dialog Antara Agama Di Malaysia: Perkembangan Daripada
Tahun 1956-2010**
*(A Dialogue Amongst Religions in Malaysia: A Development From
1956-2010)*

Mustafa Kamal Amat Misra & Jaffary Awang¹
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Negara Malaysia terdiri dari masyarakat berbilang kaum dan agama yang hidup dalam keadaan aman dan bersatu padu. Dialog antara agama merupakan satu pendekatan dalam memupuk sikap saling hormat menghormati antara masyarakat yang berbeza agama dan etnik. Di Malaysia dialog antara agama dipelopori oleh Badan Bukan Kerajaan seperti Malaysia Interfaith Network, Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs dan Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism, agensi Kerajaan seperti Institut kefahaman Islam Malaysia, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama dan parti politik Malaysia Chinese Associate (MCA), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Artikel ini membincangkan perkembangan dialog antara agama di Malaysia dari tahun 1956 hingga tahun 2010. Perbincangan merumuskan dialog antara agama kian mendapat sambutan di kalangan masyarakat Malaysia dan mempunyai prospek yang baik di masa hadapan.

Kata kunci: dialog antara agama, badan bukan kerajaan, cabaran dialog antara agama

Abstract

Malaysia is made up of people of different races and religions live in peace and unity. Inter-religious dialogue is an approach in fostering mutual respect between people of different religions and ethnicities. In Malaysia interfaith dialogue initiated by NGOs such as the Malaysian Interfaith Network, Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs and the Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism, government agencies such as the Institute of Islamic Understanding Malaysia, University of Malaya Centre for Dialogue of Civilisations and Committee to Promote Understanding and Harmony on Inter-Religious and political parties Malaysian Chinese Associate (MCA), the People's Justice Party (PKR) and Parti Islam Se-Malaysia (PAS). This article discusses the development of interfaith dialogue in Malaysia from 1956

¹ Corresponding author : Jaffary Awang, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-mail : jaffary@ukm.my

to 2010. The discussion concluded inter-religious dialogue is growing in popularity among Malaysians and has good prospects for the future.

Keywords: inter-religious dialogue , non-governmenta , inter-religious dialogue challenge.

PENDAHULUAN

Dialog antara agama di Malaysia kelihatan masih tidak begitu menggalakkan. Tidak ramai kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum memahami dan menyedari kewujudan kumpulan-kumpulan agama di Malaysia yang menjalankan kegiatan dialog antara agama. Ini mungkin kerana kurangnya publisiti daripada pihak penganjur dan pada waktu yang sama persoalan isu-isu agama di Malaysia dianggap sebagai isu sensitif, justeru perbincangannya dilakukan secara tertutup. Sementara para peserta kebiasaannya atas jemputan dan terdiri dari pakar-pakar serta penyelidik sosial. Ini menyebabkan dialog antara agama di Malaysia kelihatan agak formal dan dilakukan dalam suasana lebih berhati-hati.

Namun fenomena tersebut kian berubah bilamana dialog antara agama di Malaysia semakin diterima masyarakat. Ini berikutan isu-isu agama di Malaysia semakin bertambah dan menuntut kepada perbincangan dan interaksi secara terbuka dan berasaskan fakta. Sementara golongan ilmuan Malaysia yang menganggotai pelbagai pertubuhan dan agensi menganggap dialog antara agama wajar digalakkan sebagai wahana interaksi antara masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan budaya. Untuk memastikan dialog antara agama diterima baik oleh masyarakat Malaysia, perlunya kefahaman mengenai konsep dialog antara agama. Untuk itu, artikel ini akan membincangkan definisi dialog antara agama menurut sarjana tempatan dan luar negara. Seterusnya perkembangan dialog antara agama dalam konteks di Malaysia. Demikian juga karya-karya berkaitan dengan dialog antara agama sebagai asas memahami perbincangan isu ini di Malaysia.

DEFINISI DIALOG ANTARA AGAMA

Menurut Yusri Mohamad Ramli, dialog antara agama umumnya merujuk kepada satu percakapan, perbualan dan komunikasi antara dua individu atau lebih yang berlainan agama yang membincangkan tentang hal-hal agama yang berbeza (2008: 255). Bagi Ramli Awang pula, dialog antara agama adalah satu proses komunikasi secara langsung antara tokoh-tokoh agama bertujuan membangun masa depan yang damai dan harmoni melalui amalan sikap saling menghargai perbezaan agama antara manusia (2008: 54).

Dalam pada itu, dialog antara agama bukan sahaja membincangkan persoalan teologi, doktrin, tetapi menjadi penghubung antara penganut berbeza agama untuk mengetahui sesuatu agama secara lebih mendalam dan ini sekaligus meningkatkan pengetahuan. Melalui kefahaman ini tentunya meningkatkan rasa hormat kepada semua terhadap penganut yang berlainan agama (Kamar Oniah Kamaruzaman 2000: 46).

Berdasarkan definisi tersebut menunjukkan dialog antara agama memberi sumbangan kepada penganut berbilang agama untuk lebih mengenali nilai-nilai dan peraturan sesuatu agama, meningkatkan rasa hormat dan tolok ansur sesama penganut berbilang agama, meningkatkan pengetahuan dan membina kemahiran berkomunikasi dengan penganut berbeza agama. Ini menunjukkan dialog antara agama mempunyai asas untuk dikembangkan dalam konteks kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan budaya.

PERKEMBANGAN DIALOG ANTARA AGAMA DI MALAYSIA

Jika diamati dalam konteks sejarah, kelihatan aktiviti dialog antara agama dimulakan oleh pertubuhan bukan kerajaan. Pertubuhan dialog di Malaysia dapat dikesan seawal tahun 1956 lagi iaitu apabila Persatuan Hidup Murni (*Pure Life Society*)² mengilhamkan penubuhan Majlis Kerjasama Antara Agama Sedunia (*The World Council for Inter-Faith Co-operation*) berpusat di Malaysia (Khairulnizam 2005) bertujuan untuk sama-sama memikul tanggungjawab dan tugas-tugas amal seperti Persatuan Hidup Murni. Pembukaannya dirasmikan oleh Ketua Istiadat dan penyimpan Mohor Raja-Raja iaitu Tuan Haji Mustapha Albakri. Majlis Kerjasama Antara Agama (*World Council for Inter-Faith Cooperation*) ini beroperasi sehingga pada tahun 1962 (Khairulnizam 2005). Pada tahun 1963, Majlis ini berkembang dan beroperasi di bawah nama baru iaitu Pertubuhan Antara Agama Malaysia (*Malaysian Inter-Religious Organisation - MIRO*) sehinggalah pada tahun 1986 dikenali sebagai *Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF)* (Purelife Socieity 2007).³

² Persatuan ini telah ditubuhkan pada tahun 1949 dan telah didaftarkan sebagai persatuan yang sah pada 15 Julai 1951. Pengasas Persatuan ini ialah Swami Satyananda dan beliau juga adalah presiden yang pertama dan kini presidennya ialah Mother Mangalam. Pada asasnya persatuan ini tidak didasarkan kepada sesebuah agama, mazhab mahupun kaum bahkan ia bercirikan spiritual, budaya, pendidikan dan kemanusiaan. Antara aktiviti utamanya ialah mempromosikan aktiviti antara agama seperti forum, dialog, seminar dan syarahan. Ia juga memberikan perkhidmatan seperti menyediakan tempat perlindungan kepada kanak-kanak yang memerlukan seperti anak-anak yatim, kanak-kanak miskin dan kanak-kanak terabai kasil penceraian keluarga.

³ Sebagai sebuah organisasi yang tidak didasarkan kepada agama, mazhab mahupun kaum, INSaF bergerak bebas memainkan peranan yang besar dalam perkembangan dialog antara agama di Malaysia. (1) Antara peranannya ialah memberi kesedaran kepada pihak-pihak yang berwajib khususnya dalam mewujudkan satu platform sebagai medan perbincangan terutama isu-isu agama, bangsa dan kaum. (2) Selain itu ia medan untuk merapatkan jurang perhubungan antara agama dan mengurangkan salah faham seperti aspek kepercayaan dan amalan-amalan serta budaya yang dianuti. (3) Menggalakkan kerjasama antara agama dalam merangka dan menangani isu-isu sejagat seperti isu keamanan dan perpaduan. (3) Meningkatkan kesedaran beragama di kalangan masyarakat umum terutama dari aspek kerohanian supaya dapat menyuburkan potensi manusia sebagai ejen perubahan di dalam masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan seperti menganjurkan forum-forum, seminar, menerbitkan majalah dan artikel dalam mempromosikan sikap ingin tahu mengenai pelbagai agama terutama dalam persoalan kepercayaan setiap agama. Pada tahun 1999, sekali lagi INSaF telah melakukan perubahan dalaman yang drastik dalam pentadbirannya untuk memastikan dan menggalakkan hubungan

Era 70-an dan awal 80-an dikenali sebagai era kebangkitan semula Islam di Malaysia di mana kebanyakan masyarakat Melayu mula kembali memahami dan menghayati serta mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar iaitu dengan penekanan kepada “Islam adalah cara hidup”(Mohamad Abu Bakar, 1987). Penghayatan nilai-nilai Islam mula dipraktikkan dalam kehidupan seharian (Chandra Muzaffar, 1987). Badan-badan Bukan Kerajaan memainkan peranan penting dalam menggerakkan arus kebangkitan Islam di Malaysia seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Jamaah Tabligh (Chandra Muzaffar, 1987). Walau bagaimanapun dialog antara agama ketika era kebangkitan Islam di Malaysia masih tidak begitu popular. Ini kerana tumpuan para pendukung kebangkitan Islam yang rata-rata terdiri dari kalangan mahasiswa universiti, lebih menumpukan kepada kalangan masyarakat Melayu.

Dari aspek yang lain, gerakan kebangkitan Islam di Malaysia mendapat reaksi yang positif dari pihak kerajaan apabila pimpinan Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan dasar Islamisasi dalam pentadbiran pada tahun 1981(Nazaruddin 2001: 309-310). Dasar Islamisasi ini telah mendapat kritikan daripada pemimpin-pemimpin agama khususnya dari kalangan organisasinya bukan Islam (Ghazali Basri, 1999: 112).⁴ Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dianggap sebagai satu strategi ke arah pembentukan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam, pelaksanaan Shari’ah Islam (K.S Jomo dan A. Check 1988),⁵ penggunaan ‘al-Kitab’ menggantikan Bible(Khairulnizam 2005:),⁶ peruntukan tapak untuk pembinaan rumah-rumah ibadah orang

serta kerjasama antara agama yang tinggi selari dengan cabaran dan halangan bagi menghadapi abad ke-21. Dari tahun 1986 sehinggalah tahun 1998 pengurusan INSaF tidak begitu efektif dalam merancang mahupun melaksanakan aktiviti antara agama termasuklah dialog antara agama. Sehingga kini ia beroperasi di bawah nama yang sama iaitu INSaF. Untuk maklumat lanjut sila lihat Khairulnizam Bin Mat Karim. 2005. *Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia: Kajian Terhadap Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya*. Disertasi (MA). Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Bahagian Pengajian Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm 99

⁴ Antara pemimpin agama yang yang jelas menentang ialah Reverend Paul Tan. Beliau menyatakan bahawa Islamisasi bukan sahaja menyuntik nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan, tetapi secara tidak langsung ia menyerap ke dalam diri individu setiap pekerja kerajaan sama ada beragama Islam ataupun tidak. Beliau ialah Pengarah Pusat Penyelidikan Katolik (*Catholic Research Centre*) pada tahun 1987.

⁵ Mereka beralasan, tidak mungkin Shari’ah memberi kebebasan sepenuhnya terhadap agama-agama lain dan mereka turut mempersoalkan keadilan pelaksanaan dasar ini. Sebagai contoh di antara masyarakat bukan Melayu-bukan Islam berasa takut terhadap hukuman yang dikenakan kepada pesalah dengan merujuk kepada pelaksanaan Undang-undang Islam (Hudud) di Kelantan yang dipimpin oleh kerajaan PAS.

⁶ Pihak kerajaan mengumumkan semua buku-buku agama termasuk Bible yang diimport dari luar negara hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pihak kementerian juga melarang sebarang usaha perterjemahan Bible kepada al-Kitab. Di

bukan Islam,⁷ hak-hak penyiaran di media elektronik⁸ dan dasar pendidikan kerajaan.⁹ Rasa kebimbangan berkaitan isu-isu tersebut boleh dianggap sebagai detik awal kepada dialog antara agama, bila mana pihak bukan Islam mula menyuarakan kebimbangan dan ketidakpuasan hati mereka melalui pendekatan berbincang dengan pihak kerajaan.

Sejajar dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 3 yang menyebut Agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan namun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan dan Perkara 11 yang menegaskan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya seperti menguruskan hal-hwal keagamaan, menubuhkan dan menyelenggarakan yayasan-yayasan keagamaan dan memperoleh dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang, pada tahun 1983 pula, maka pemimpin-pemimpin agama bukan Islam telah membentuk satu majlis yang dikenali sebagai *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBCHS) yang juga dikenali sebagai Majlis Perundingan Agama-Agama Malaysia (Khairulnizam 2005). Tujuan utama penubuhan majlis ini adalah sebagai satu *front* untuk memperjuangkan kepentingan bersama walaupun berbeza kepentingan dan bertindak sebagai platform dalam mengemukakan sebarang tuntutan kepada pihak-pihak berwajib khususnya kepada pihak kerajaan (Khairulnizam 2005). Dalam hubungan ini, pihak Kristian merupakan antara yang paling terkedepan dalam

samping itu masyarakat Kristian juga tidak berpuas hati dengan larangan untuk menggunakan istilah Arab seperti Allah, Firman, Rasul, Shari'ah, Iman, Kaabah, Injil, Baitullah, Wahyu, Nabi, Syukur, Zikir dan Doa. Mereka juga turut mempersoalkan sekatan ini sedangkan penganut-penganut Kristian seperti di Mesir bebas menggunakan istilah ini dalam bahasa kebangsaan negara itu tetapi tidak di Malaysia. Untuk maklumat lanjut sila lihat *News Straits Time*. 1 Disember 1984. Lihat juga Khairul Nizam bin Mat Karim. 2005. *Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia : Kajian Terhadap Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Bahagian Pengajian Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁷ Mereka menuntut supaya nisbah tempat ibadah mereka ditambah mengikut kapasiti penduduk di sesuatu tempat. Pada waktu tersebut nisbah tempat ibadah dan penduduk ialah 1 : 4000. Ia dilihat sebagai diskriminasi kepada penganut agama mereka untuk melaksanakan ibadah mereka.

⁸ Mereka menyatakan ruangan yang diberikan oleh pihak kerajaan di TV1, TV2 dan radio untuk program sambutan perayaan agama seperti Krismas, Deepavali, Wesak dan lain-lain sangat sempit iaitu hanya setengah jam sahaja dan jika dibandingkan dengan program-program Islam adalah tidak munasabah. Mereka juga mengatakan ini salah satu diskriminasi kerajaan terhadap agama mereka dan melanggar Perlembagaan Persekutuan dalam Kebebasan Beragama.

⁹ Berkenaan subjek baru di Institusi Pengajian Tinggi iaitu Tamadun Islam, mereka mempersoalkan mengapa hanya pelajar bukan Islam sahaja yang harus mempelajari Islam manakala pelajar Islam tidak perlu mempelajari tamadun lain seperti Tamadun Cina, India dan sebagainya. Akhirnya subjek ini ditukar kepada Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS).

mengemukakan ketidakpuasan hati terhadap pihak kerajaan berdasarkan penguasaan mereka di dalam majlis tersebut (Ghazali Basri, 1999).

Selain penubuhan *MCCBCHS*, pihak Kristian juga menubuhkan *Christian Federation of Malaysia* pada tahun 1985 (*Christian Federation of Malaysia* T.T.P: 3). CFM ini dianggotai oleh tiga badan Kristian di Malaysia iaitu *Catholic Church in Malaysia*, *The Council of church in Malaysia* dan *The National Evangelical Christian Fellowship* yang bertujuan untuk menyatukan penganut-penganut Kristian di mana keseluruhannya mempunyai kira-kira 40 mazhab gereja terbesar di Malaysia. Pertubuhan ini didaftarkan sebagai organisasi yang sah pada tahun 1986. Tujuan penubuhannya ialah untuk menjadi platform dalam menyuarakan bantahan mahupun cadangan melalui dialog dan perbincangan dalam pelbagai perkara terutama yang berkaitan dengan kebebasan beragama (Khairulnizam 2005: 89).

Seawal tahun 1992, dialog antara agama mula mendapat perhatian kerajaan melalui penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan menganjurkan program dialog antara agama. (Institusi Kefahaman Islam Malaysia 26 Nov. 2011). Pada tahun 2001, *Malaysian Consultative Council Of Buddhism, Christianity, Hinduism dan Sikhism (MCCBCHS)* memohon untuk menubuhkan Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (IFC) melalui memorandum kepada Majlis Peguam bertarikh 21 Ogos 2001 (Angkatan Belia Islam Malaysia 10 Oktober 2010). IFC yang nama asalnya ialah IRC (*Inter Religous Council*) adalah sebuah suruhanjaya yang dicadangkan penubuhannya seperti sebuah badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang implikasinya hingga boleh mengubah ajaran sesetengah agama (termasuk agama Islam). Badan ini mirip seperti sebuah mahkamah dan segala keputusannya berkaitan urusan agama dianggap muktamad. IFC juga berfungsi seperti SUHAKAM yang menerima dan melayan aduan-aduan berkaitan dengan agama (Angkatan Belia Islam Malaysia 10 Oktober 2010). Pada penghujung tahun 2002, *Malaysian Interfaith Network (MIN)* ditubuhkan yang disertai oleh 22 NGO bertujuan membincangkan cara untuk membentuk masyarakat pelbagai kaum dan agama secara aman dan harmoni (Malaysian Interfaith Network 2010). Penubuhan pertubuhan ini hasil daripada kesepakatan wakil-wakil agama di Taiping, Perak dalam sebuah perjumpaan yang dikenali *The 1st Taiping Interfaith Dialogue Roundtable on common Values and Common Actions* anjuran Taiping Peace Initiative dan ditaja oleh Yayasan Konrad-Adenauer (Yusri Mohamad Ramli 2008: 258).

Fenomena ini boleh dianggap sebagai satu gerakan ke arah pembudayaan era dialog antara agama di Malaysia. Ini kerana isu-isu yang terlibat dalam konteks gerakan pertubuhan bukan kerajaan menyentuh aspek agama dan penglibatannya daripada banyak pertubuhan. Walaupun terdapat tuntutan yang agak melampau hingga boleh menggugat perlembagaan dan peraturan sesuatu agama khususnya Islam. Namun suasana tersebut disusuli dengan beberapa program dialog atau interaksi antara penganut berbilang agama bagi membincangkan isu-isu seperti yang dinyatakan di atas.

PROGRAM DIALOG ANTARA AGAMA DI MALAYSIA

Aktiviti dan penganjuran dialog antara agama di Malaysia secara umumnya dapat dikategorikan kepada tiga era iaitu era 80-an, era 90-an dan tahun 2000 hingga tahun 2010. Sekitar era 80-an, terdapat beberapa program dialog antara agama yang telah dikenal pasti.

Seminar *Human Values* yang dianjurkan oleh Satya Sai Centre di Dewan Tunku Abdul Rahman yang terletak di Jalan Ampang boleh dianggap sebagai program dialog antara agama di awal tahun 1980 (Mahavihara Buddha 2011). Pada tahun 1981, Bikkhu Dhammananda mewakili Persatuan Sasana Abhiwudi Wardhana telah mengadakan sesi dialog bersama *Inter-Faith Spiritual Fellowship* (INSaF) (Mahavihara Buddha 2011). Pada tahun 1982, program dialog antara agama berlaku antara *Inter-Faith Spiritual Fellowship* (INSaF) dan *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism* (MCCBHCS) di Purelife Society (PLS). Pada tahun yang sama, program dialog antara agama dalam Seminar Moral yang bertemakan *Development Through Religion* telah diadakan di Mahavihara Buddha (Mahavihara Buddha 2011). Pada tahun 1983, program dialog antara agama yang berlaku bertemakan *Where He Delivered a Talk From The Buddhist Perspective*. Program dialog tersebut dilangsungkan bersama Seminar Keluarga dan Masyarakat di bawah tema Keluarga Yang Bahagia Asas Masyarakat Yang Sempurna pada 3-5 September 1983 (Mahavihara Buddha 2011). Pada tahun 1984, seminar *The Role of Religion in Nation Building* yang diadakan bertujuan menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap dasar Islamisasi yang dilancarkan oleh pihak kerajaan pada 1983 khususnya berkaitan isu hak kebebasan beragama dan seminar bertemakan *World Religion and Human Right* anjuran Majlis Perundangan Agama (Ghazali Basri 1999). Antara tokoh Muslim yang terlibat dalam penganjuran program dialog sekitar 1987 terdiri dari Chandra Muzaffar yang mewakili ALIRAN dan Haji Munawwar mewakili INSaF. Pada tahun yang sama, Bikkhu Dhammananda mewakili Persatuan Sasana Abhiwudi Wardhana menganjurkan seminar dialog yang bertemakan *The Buddhist Attitude Towards Organ Donation* anjuran Yayasan Kindney Kebangsaan di Kuala Lumpur (Mahavihara Buddha 2011). Pada tahun 1988, program dialog antara agama berkisar tentang hubungan dan kerjasama antara pelbagai agama. Seminar ini bertemakan *Global Co-operation for a Better World* yang diadakan di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur (Mahavihara Buddha 2011).

Sekitar era 90-an, pihak kerajaan mula terlibat dalam dialog antara agama melalui Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang ditubuhkan pada 18 Februari 1992. Penubuhan IKIM antara lain bertujuan memberi kefahaman Islam melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundangan, latihan serta penerbitan atau penyampaian radio tanpa menyimpang daripada garis panduan yang telah ditetapkan. (Institut Kefahaman Islam Malaysia 2011)

Program dialog antara agama diadakan dalam pelbagai bentuk walaupun kebanyakannya bersifat perbincangan seperti yang dianjurkan pada tahun 1993 anjuran Pusat Meditasi Raja Yoga bertempat di Bangsar, Kuala Lumpur (Mahavihara Buddha 2011). Di samping pendekatan perbincangan, dialog antara agama juga berlaku dalam bentuk perhimpunan sambutan Hari Raya seperti yang pernah dianjurkan oleh *The Human Values Friendship Group* yang menggabungkan Muslim, Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh. Program seterusnya himpunan sempena Wesak antara agama Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh di Port Dickson (Mahavihara Buddha 2011). Pada era 90-an juga dialog antara agama di Malaysia melibatkan sarjana antarabangsa. Ini satu bentuk jaringan dalam konteks mempelajari pengalaman dunia Barat khususnya berkaitan dialog. Ini dimanifestasikan dalam program dialog antara agama anjuran IKIM yang bertajuk, *Inter-religious Dialogue: East and West* yang disampaikan oleh Leonard Swidler dari Temple University, United States of America pada 9 dan 10 Oktober 1994. (Institut Kefahaman Islam Malaysia 2010). Pembudayaan dan perkongsian pengalaman di peringkat antarabangsa dilanjutkan lagi melalui persidangan antarabangsa pada 13 hingga 15 Mac 1995 anjuran Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya bertemakan “Islam dan Konfusianisme” (Osman Bakar dan Cheng Gek Ngai 1997: 4) dan kali kedua pada tahun 1996(Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya 2010). Peranan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dalam mempromosikan dialog antara agama berasaskan perbincangan akademik tidak dapat dinafikan dengan penganjuran program-program untuk menjalin hubungan diplomasi antara agama dan kaum. Ini selari dengan tujuan penubuhannya untuk merealisasikan dialog antara agama khususnya di Malaysia (Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2010).

Sekitar tahun 2000 hingga 2010, tema-tema dialog antara agama di Malaysia masih sekitar isu memperkenalkan dialog antara agama serta disiplin atau kaedah dalam melaksanakannya. Pada 15 Disember 2006 umpamanya, Institut Kajian Dasar (IKD) dan Yayasan Konrad Adenauer¹⁰ menganjurkan program syarahan dialog antara agama yang bertajuk “Syarahan dan Diskusi Dialog Antara Agama di Malaysia - Satu Pertimbangan” oleh Osman Bakar dari ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Instituti Kajian Dasar 2010). Pada 22 Januari 2008, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mengadakan program muzakarah dialog antara agama

¹⁰ Konrad Adenauer Foundation (KAF) giat menganjurkan aktiviti dialog dan toleransi antara agama-agama di dunia. Yayasan ini juga turut mempromosikan ‘Projek Etika Global’ yang digagaskan oleh *Global Ethic Foundation*. Sepanjang 40 tahun penubuhannya, Yayasan ini telah beroperasi di lebih 120 buah Negara yang bersumberkan Pengajaran Sosial Kristian Katolik (*The Catholic Christian Social Teachings*) dan Etika Kristian Protestan (*The Protestant Christian Ethics*). Lihat *World Religions – Universal Peace – Global Ethics*. Konrad Adenauer Foundation. Kuala Lumpur. 2005 hlm 41-42. Yayasan ini melalui pengaruhnya cuba campur tangan dengan menyalurkan bantuan kewangan dalam mempromosikan aktiviti Majlis Antara Agama (IRC) yang sangat kontroversi. Lihat artikel *kenyataan ACCIN mengenai penubuhan suruhanjaya antara agama* dlm. (2005)

yang bertajuk “Ke Arah Pendisiplinan Dialog Antara Agama Dan Peradaban” dengan mengundang Timbalan Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia, Mohd. Shahrhan sebagai pembentang (Institut Kefahaman Islam Malaysia http 2010). Pembabitan ABIM dalam muzakarah tersebut kemungkinan satu bentuk pengiktirafan terhadap peranan ABIM dalam dialog antara agama. Skop perbincangan dialog antara agama juga diperluaskan hingga ke isu hubungan sains moden dengan agama. Ini berdasarkan dialog yang bertajuk “Sains Moden Dalam Perspektif Agama” anjuran Universiti Malaya pada Mac 2008. Program ini telah melibatkan ahli panel terdiri dari Shah Kirit bin Kakulai Govindji mewakili Islam, Lee Chai Peng mewakili Kristian, Mr. Ang Choo Hong mewakili penganut Buddha dan Nirmala Devi a/p Mutusamy mewakili penganut Hindu. Tema dialog antara agama turut membincangkan isu berhubung sikap agama terhadap kebendaan seperti forum antara agama yang diadakan pada Ogos 2009 di Mahavihara Buddha bertemakan *Religion and Materialism – Are They in Conflict?*. Panelis Muslim dalam forum ini diwakili oleh Dr. Amir Farid seorang aktivis Muslim yang aktif dalam program dialog antara agama (Mahavihara Buddha 2011).

PERKEMBANGAN DIALOG ANTARA AGAMA 2010

Isu-isu yang membabitkan soal agama dan kaum khususnya sentimen ketidakpuasan hati penganut Kristian¹¹ kelihatan reda kini kembali timbul apabila pihak Gereja Katolik membuat permohonan mahkamah untuk menggunakan perkataan “Allah” dalam akhbarnya Herald,¹² The Catholic Weekly dan permohonan ini telah mendapat kelulusan daripada Hakim Mahkamah Tinggi, Bahagian Rayuan dan Kuasa-kuasa Khas, Datuk Lau Bee Lan pada tarikh 31 Disember 2009. Isu ini menyentuh sensitiviti masyarakat Islam khususnya orang Melayu. Kemunculan isu-isu sebegini menunjukkan keperluan kepada aktiviti dialog antara agama diadakan secara berterusan. Peristiwa demonstrasi-demonstrasi dan insiden serangan ke atas rumah ibadat Kristian adalah manifestasi emosi dan tercabarnya elemen toleransi beragama di kalangan masyarakat Malaysia (UTUSAN 2010). Antara serangan-serangan ke atas Rumah Ibadat sepanjang tahun 2010 seperti:

- i. Pada 8 Januari 2010, Gereja Assumption terletak di sebelah Hospital Assunta di Petaling Jaya Old Town. Gereja ini menjadi sasaran jam 4 pagi. Bom petrol dibaling ke dalam kawasan perkarangan gereja, tetapi botol tidak pecah dan tidak berlaku kebakaran (Malaysia Kini 2010).

¹¹ Antara isu-isu yang dibangkitkan seperti dasar kerajaan dalam cadangan membentuk Malaysia sebuah Negara Islam dan pelaksanaan Shari’ah Islam, penggunaan ‘al-Kitab’ menggantikan Bible, peruntukan tapak rumah-rumah ibadah, hak-hak penyiaran di media elektronik dan dasar pendidikan kerajaan.

¹² Lihat Liow, J.C., 2011, “Islamist ambitions, political change, and the price of power: recent success and challenges for the Pan-Malaysian Islamic Party PAS”, *Journal of Islamic Studies*, 22 (3): 374-403; Nor, M.R.M., 2011, “Religious tolerance in Malaysia: an overview”, *Middle East Journal of Scientific Research*, 9 (1): 23-27; Sankar, L.V. 2013, “Malaysian editorials on the Allah issue: a critical discourse study”, *Critical Inquiry in Language Studies*, 10 (1): 31-61.

- ii. Pada 9 Januari 2010, Gereja Katolik Metro Tabernacle di Desa Melawati, Kuala Lumpur dibakar. Gereja ini sudah beroperasi sejak 12 tahun lepas (1998) dan mempunyai 1,500 jemaah. Pemimpin gereja Metro Tabernacle Mejar (B) Peter Yeow mendapat panggilan telefon mengenai kebakaran tersebut pada kira-kira pukul 12 malam Khamis. Gereja itu terletak di bahagian hujung lot rumah kedai, dihadiri kira-kira 1,500 setiap minggu (Malaysia Kini 2010).
- iii. Pada tarikh yang sama, Gereja Life Chapel di Seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor juga mengalami berlaku kerosakan kecil di bahagian luar luar bangunan (Malaysia Kini 2010).
- iv. Gereja di Kampung Subang, Shah Alam Selangor juga pernah diserang. Ketua Polis Selangor Datuk Khalid Abu Bakar menyatakan bom molotov cocktail (bom petrol buatan sendiri) yang dibaling ke arah gereja di Kampung Subang itu tidak meletup (Malaysia Kini 2010).
- v. Gereja Good Shepherd Lutheran di Jalan Othman, Petaling Jaya juga mengalami keadaan yang lebih kurang sama. Pada hari-hari berikutnya, Paderi Augustine Mutusamy, 43 telah melihat dua kesan terbakar pada dinding bangunan (Malaysia Kini 2010).
- vi. Begitu juga dengan Gereja All Saints di sebelah Sekolah Menengah Kebangsaan Convent di Jalan Taming Sari, Taiping, Perak. Gereja ini juga telah diserang dalam cubaan dibakar. Namun hanya berlaku kerosakan kecil (Malaysia Kini 2010).
- vii. Pada 10 Januari 2010, Gereja St Louis bersebelahan SMK Convent juga dibaling dengan botol mengandungi bahan bakar, tetapi hanya mengakibatkan kerosakan kecil (Malaysia Kini 2010).
- viii. Dalam hari yang sama, Gereja Baptist Melaka di Durian Daun, telah disimbah dengan cat hitam (Nanyang Siang Pau).
- ix. Pada tarikh 12 Januari 2010, Gereja Good Shepherd di Lutong, Miri, Sarawak turut dibaling batu mengakibatkan tingkapnya pecah (Malaysia Kini 2010).
- x. Pada 10 Januari 2010, Gereja Sidang Injil Borneo (SIB) di Lakeview Square, Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan mengalami kerosakan pada bahagian pintu depannya kerana terkena simbahan petrol (Harian Metro 2010).
- xi. Kuil Sikh, Gurdwara Sahib di Sentul, Selangor juga tidak terlepas daripada menjadi sasaran apabila kuil tersebut dibaling batu menyebabkan pintu kacanya pecah. Serangan itu dipercayai dilakukan ketika sekumpulan sukarelawan sedang membersihkan kuil itu pada jam 6.15 petang. Kuil itu berusia 100 tahun. Kuil tersebut menjadi sasaran mungkin kerana sewaktu prosiding kes Herald, Presiden Majlis Gurdwara Malaysia, Jagir Singh telah mencelah perbicaraan. Beliau mengatakan perkataan "Allah" juga terdapat di dalam kitab suci Sikh iaitu Sri Guru Granth Sahib Ji. Kitab tersebut adalah daripada Tuhan dan tidak patut dipinda-pinda. (Malaysia Kini 2010)..
- xii. Gereja Katholik St. Elizabeth yang terletak di Jalan Kota Kecil, di Kota Tinggi Johor, juga telah mengalami cubaan diserang. Pintu pagarnya disimbah cat merah pada 14 Januari 2010 jam 6.00 pagi. Ketua polis

- daerah Kota Tinggi Supt. Osman Mohamed Sebot mengesahkan kejadian tersebut (Malaysia Kini 2010).
- xiii. Pada 27 Januari 2010, Masjid Juhuriyah Taman Dato' Harun dan Masjid Al-Imam At-Tirmizi, Sentosa, Kuala Lumpur dicampak dua kepala babi selepas jemaah menunaikan solat subuh pada hari tersebut. Dua bungkusan kepala babi hutan bersama satu baldi plastik berisi tiga puluh keping wang RM1 diletakkan di pintu masuk belakang ke perkarangan Masjid Juhuriyah, Taman Datuk Haron, manakala dua bungkus lagi serta baldi berisi jumlah wang yang sama dijumpai di hadapan pintu masuk ke perkarangan Masjid Al-Imam Al-Tirmizi, Taman Sri Sentosa (Malaysia Kini 2010).

Untuk membendung agar fenomena-fenomena tersebut tidak berulang, pihak kerajaan mencadangkan agar dialog antara agama disemai serta dibudayakan di kalangan masyarakat Malaysia seperti yang disarankan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Bagi beliau Malaysia tidak perlu mewujudkan Suruhanjaya Antara Agama, sebaliknya program dialog antara agama perlu diadakan secara berterusan (Sinar Harian 2010). Cadangan ini turut mendapat respons yang baik dari Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat (Zulkifli 2010). Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mengadakan program dialog antara agama pada 14 Januari 2010 yang diadakan di Dewan Holy Spirit yang terletak dalam kawasan gereja Greenland, iaitu gereja terbesar di Pulau Pinang (Sabri 2010).

Dialog antara agama juga mendapat perhatian daripada parti-parti politik di Malaysia seperti MCA, PAS dan PKR. Parti politik turut menganjurkan beberapa program dialog antara agama seperti yang pernah dilakukan Parti *Malaysian Chinese Association* (MCA) pada 28 Januari 2010 dengan tujuan mewujudkan persefahaman antara penganut pelbagai agama (mStar Online 2010). Sementara Pakatan Rakyat menganjurkan Majlis Dialog Bersama Pemimpin Agama pada 10 Februari 2010 di The Club Bukit Utama, Damansara (Sektretariat Pakatan Rakyat 2010). Majlis ini dihadiri lebih dari 100 orang peserta yang terdiri dari para pemimpin NGO kesemua agama utama di Malaysia – Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh -, golongan profesional seperti ahli akademik, intelektual, peguam, korporat dan aktivis masyarakat (Sektretariat Pakatan Rakyat 2010). Tidak terkecuali Parti Islam Se-Malaysia juga pernah mengadakan dialog dengan ketua-ketua agama dalam satu majlis makan tengah hari anjuran kerajaan negeri Kelantan. (Salmah 2010). Ini menunjukkan program dialog antara agama mendapat reaksi yang baik dari parti-parti politik dan pihak kerajaan.

Sekitar tahun 2010 juga memperlihatkan penglibatan persatuan pelajar di peringkat universiti menganjurkan program-program dialog antara agama. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) umpamanya pada 9 Februari 2010 menganjurkan dialog antara agama yang membincangkan konsep ketuhanan dengan tema *Agama Disanjung Perpaduan Dijunjung* dari perspektif Islam, Hindu dan Buddha. Ahli panelnya terdiri dari Shah Kirit bin Kakulai Godviji

yang mewakili Muslim, M. Bala Tharumaningam mewakili Hindu dan Ng Sai Kai mewakili agama Buddha (Ikatan Studi Islam Universiti Kebangsaan Malaysia 2010) Pada 2 Mac 2010, Universiti Teknologi Petronas juga telah menganjurkan program dialog antara agama. Program tersebut menampilkan Shah Kirit bin Kakulai Godviji yang mewakili Islam, Kiang Keng Kong (Buddha), M. Bala Tharumalingam (Hindu) dan William Lau (Kristian) (Nasim 2010).

Sementara pada peringkat badan bukan kerajaan, umpamanya pada 1 Mei 2010, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) daerah Johor Bahru dengan kerjasama ABIM negeri telah menganjurkan dialog antara agama bertajuk *Dialog Antara Agama, Islam dan Buddha: Menurut Perspektif Pemimpin Belia*. Program ini bersempena dengan Muktamar Sanawi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Daerah Johor Bahru di Dewan Besar Sekolah SRI Johor Bahru. Ahli panel terdiri dari Ustaz Hj. Abd. Razak Aripin, Timbalan Yang Dipertua, Angkatan Belia Islam Malaysia, Negeri Johor dan Saudara Lau Kai Chong, Pengerusi Persatuan Belia Xiang Lian Malaysia, Johor (Buddha). Dialog telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Muhammed Fauzi Othman selaku Ahli Jawatan Kuasa Wadah Negeri Johor (Angkatan Belia Islam Malaysia 2010).

Kesimpulannya, program dialog antara agama di Malaysia yang digerakkan semenjak hujung tahun 50-an dengan tertubuhnya Majlis Kerjasama Antara Agama (*Council for Interfaith Co-operation*) tahun 1958 kini kian mendapat perhatian dan sambutan dari kalangan masyarakat. Skop perbincangannya juga semakin luas menyangkut soal kehidupan dan teologi. Kejayaan penganjuran program tersebut tentunya banyak bergantung kepada tahap penerimaan dan penglibatan dalam program ini.

Penulisan-penulisan Berhubung Dengan Dialog Antara Agama

Dalam konteks karya-karya berkaitan dengan dialog antara agama, kebanyakannya yang memfokuskan kepada dialog antara Islam dan Kristian. Buku karya Ismail Raji al-Faruqi (1998) yang bertajuk *Islam and Other Faiths* merupakan himpunan kertas kerja yang membincangkan topik Islam dan agama-agama lain. Selain perbincangan isu-isu antara Islam, Kristian dan Yahudi, al-Faruqi juga menghasilkan buku bertajuk *Triologue of the Abrahamic Faiths* yang merupakan himpunan koleksi kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Kristian, Yahudi dan Islam bertempat di New York anjuran *The American Academy of Religion* pada tahun 1979 (Mohamad Rasyidi 2009: 74). Menurut al-Faruqi, dialog antara agama pernah wujud antara Yahudi, Kristian dan Islam namun ianya gagal kerana tiada kesediaan antara ketiga-tiga agama tersebut.

Arkoun (2001) pula membincangkan cabaran dan halangan dialog antara agama. Antara cabaran yang diketengahkan Arkoun adalah merujuk kepada sikap mereka yang terlibat dalam dialog kelihatan lebih menekankan kepada

aspek kebenaran yang terdapat dalam agama masing-masing, kurang bersedia mendengar penjelasan dari agama lain dan kekurangan mereka yang pakar berkaitan dengan agama-agama lain. Untuk itu beliau mencadangkan agar mereka yang terlibat dalam dialog antara agama perlu lebih terbuka dan memahami tradisi agama tersebut melalui pengkajian terhadap kitab sucinya. Dalam konteks bentuk-bentuk dialog, Ahmad Sunawari Long (2001) pernah membincangkan beberapa bentuk dialog antaranya dialog kehidupan, dialog tindakan dan dialog wacana intelektual. Dialog wacana intelektual dapat dikategorikan kepada *bilateral* iaitu membabitkan dua agama seperti dialog Islam-Kristian, *trilateral* iaitu membabitkan agama Abrahamic seperti agama Islam-Kristian-Yahudi dan *multilateral* iaitu membabitkan agama Abrahamic dan budaya. Pengarang juga membincangkan sejarah hubungan antara agama di dunia, isu-isu kaum dan agama yang pernah tercetus di Mekah pada zaman Nabi Muhammad SAW, permusuhan antara bangsa Israel dan Islam, pembakaran gereja Coptics di Mesir dan tragedi pembunuhan masyarakat Muslim Bosnia Herzegovina oleh Kristian Serb. Rakaman peristiwa sejarah ini kemungkinan satu gambaran kepada pola hubungan yang berlaku dan menuntut kepada masyarakat kini memikirkan hala tuju hubungan antara pelbagai agama.

Osman Bakar (1997) pula dalam *Islam and Confucianism: a civilizational dialogue*, membincangkan sejarah interaksi antara tamadun Islam dengan peradaban agama-agama lain seperti sejarah perkembangan agama Islam dan agama Buddha di Asia. Menurut beliau perkembangan pada peringkat awal memperlihatkan seolah-olahnya wujud persaingan dalam kegiatan menyebarkan ajaran masing-masing. Pertembungan antara Islam dan agama lain bukan sekadar berlaku dalam konteks penyebaran tetapi juga pertembungan juga berlaku dalam aspek budaya dan pemikiran.

Dalam pada itu, Ghazali Basri (2005) menerusi bukunya yang bertajuk *Dialog Antara Agama: Pengalaman Lalu dan Cabaran Masa Kini*, menganggap dialog antara agama di Malaysia masih “sesuatu yang baru” dan “masih belum lagi menduduki tempat di hati umat Islam di negara ini”. Untuk itu beliau mengemukakan dua syarat asas bagi mereka yang ingin terlibat dalam dialog antara agama iaitu bersikap “jujur” dan “ikhlas”. Kejayaan dialog antara agama bergantung kepada persediaan dan keupayaan ilmu yang ada di kalangan aktivis dialog. Ini meliputi pengetahuan tentang asas dan tasawwur agamanya sendiri dan agama-agama lain. Dalam tulisannya, beliau mengkategorikan beberapa cabaran dialog antara agama, antaranya sikap eksklusif penganut terhadap agamanya sehingga mendakwa agama lain sebagai suatu yang tidak relevan dan tidak berguna dalam menyumbang kepada kehidupan masyarakat. Sikap inklusif terhadap agama sehingga mengarah penganut beragama untuk menyamakan semua agama dari segi rupa, bentuk dan kepercayaan dan sikap memandang rendah terhadap kepentingan dialog antara agama. Pengarang merumuskan bahawa masyarakat beragama di Malaysia perlu digembleng secara harmonis dalam mendepani cabaran modenisme.

Berhubung dengan syarat-syarat dialog antara agama, penulis Wan Suhaimi dan Syed Mohammad Hilmi (2006) menjelaskan bahawa Islam tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk Islam. Kenyataan ini berdasarkan kepada dalil al-Quran dalam Surah Al-Baqarah ayat 256 yang mana Allah menyatakan tidak ada paksaan untuk memasuki Islam. Ini kerana penerimaan terhadap Islam berkait rapat dengan persoalan “hidayah” dan larangan daripada paksaan memeluk Islam ini dikatakan khusus untuk ahli kitab dan kafir zimmi. Ini member erti bahawa dialog antara agama bukannya bertujuan untuk memaksa penganut agama lain agar menerima Islam, tetapi lebih kepada penjelasan dan penghuraian berkaitan dengan Islam terhadap penganut agama lain.

Sementara Rahimin Affandi Abd. Majid, Mohd Kamil Abd. Majid dan Mohd Anuar Ramli (2006) menganalisis fenomena dialog di Malaysia dalam dua dimensi. Pertama dialog antara agama boleh mendatangkan implikasi negatif sekiranya perbincangan agama dikaitkan dengan isu perkauman. Akan tetapi dialog antara agama boleh mendatangkan kesan positif sekiranya dialog dilakukan untuk menghadapi fenomena globalisasi. Ini bererti penulis meyakini bahawa pendekatan dialog antara agama dapat dijadikan wahana terbaik di kalangan masyarakat beragama di Malaysia untuk mencari kata sepakat dalam mendepani gejala globalisasi.

Sebuah karya yang dihasilkan oleh Ramli Awang bertajuk *Dialog antara agama dari perspektif Al-Quran* (2008) membincangkan kelompok penganut agama yang disebut dalam al-Quran iaitu agama Sabi'in, Majusi, Kristian, Yahudi dan Musyrikin. Menurut pengarang al-Quran menjelaskan kelompok-kelompok tersebut sebagai menyimpang dari kebenaran. Apa yang cuba diketengahkan penulis iaitu al-Quran menggalakkan umat Islam untuk berinteraksi dengan penganut agama lain. Malah umat Islam juga perlu mengadakan penyelidikan berkaitan amalan agama penganut-penganut selain Islam.

Berdasarkan senarai dan perbincangan karya-karya berkaitan dengan dialog antara agama di Malaysia, menunjukkan tema-tema perbincangan para penulis meliputi aspek sejarah dialog antara agama, syarat-syarat pengendalian dialog antara agama, cabaran-cabaran berkaitan dialog antara agama, sikap keterbukaan yang perlu ada pada penggerak dialog antara agama, kepentingan dialog antara agama dalam suasana globalisasi kini dan saranan al-Quran agar umat Islam sentiasa berhubung serta berinteraksi dengan masyarakat bukan Muslim.

KESIMPULAN

Suasana ini memperlihatkan budaya dialog antara agama di Malaysia semakin mendapat perhatian dan sambutan dari kalangan para sarjana, agamawan dan cendekiawan. Malah tidak keterlaluan dikatakan bahawa dialog antara agama di Malaysia mempunyai masa depan yang baik. Ini kerana gerakan dialog antara agama di Malaysia bukan sahaja berasaskan kepada gerak

kerja atau aktiviti penganjuran, tetapi siri wacana serta perbincangan dalam menjelaskan konsep dialog antara agama. Wacana yang berasaskannya kepada ilmu ini tentunya memberi impak yang positif terhadap kefahaman masyarakat berhubung dengan dialog antara agama.

Gerakan dialog antara agama di Malaysia juga menunjukkan, betapa agama merupakan isu yang sensitif bagi individu yang beragama dan perlu ditangani secara bijaksana agar keharmonian berbilang kaum dan agama dapat dipertahankan. Untuk meredakan sentimen sensitiviti tersebut dapat dilakukan melalui Namun darjah sensitiviti perancangan dan tindakan berhemah penganut-penganut berbagai agama di Malaysia melalui dialog antara agama.

RUJUKAN

- Attaulah Siddiqui. (ed). (1998). *Islam and Other Faiths*. Kuala Lumpur : The Islamic Foundation UIA: The International Institute of Islamic Thought.
- Chandra Muzaffar, (1987). *Islamic Resurgence in Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Faisal Hj. Othman. (2006). *Persepsi Islam Terhadap Agama Lain*., Prosiding Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat Kebangsaan pada 18-19 Januari 2006. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Ghazali Basri. (1999). *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Grose George and J. Hubbard. Benjamin. (1998). *Tiga Agama Satu Tuhan : Sebuah Dialog*. Santi Indra Astuti (ter) Bandung : Penerbit Mizan.
- Hans Kung. (1998). *The Global Ethic : Development and Goals, Inter Religious Insight*. Jil 1. Bil Jan. 2003
- Jaffary Awang. Toleransi Agama Dan Perpaduan Kaum: Response Intelek Malaysia – Satu Observasi Ringkas” Dlm. Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar, Muda @ Ismail Ab. Rahman (pnyt.). *Agama dan Perpaduan Kaum Di Malaysia*. Cet 1. Bangi : Penerbit Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- K. Sri Dhammananda. (n.d). *The Buddhist Attitude Toward Other Religion*. Buddhist Missionary Society.
- Khairulnizam Bin Mat Karim. 2005. *Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia : Kajian Terhadap Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Bahagian Pengajian Usuluddin. Kuala Lumpur :Universiti Malaya
- K.S. Jomo dan A.Check.(1988). The Politics of Malaysia’s Islamic Resurgence, *The World Quarterly*, April: 843-868.Liow, J.C. (2011). Islamist Ambitions, Political Change, and The Price of Power: Recent Success and Challenges for The Pan-Malaysian Islamic Party PAS, *Journal of Islamic Studies*, 22 (3): hlm.374-403.
- Muhammad Abu Bakar. (1987). *Penghayatan Sebuah Ideal*, Kuala Lumpur : DewanBahasa dan Pustaka.

- Mohd Arkoun. (2001). *Islam Kontemporer : Menuju Dialog Antara Agama*. Ruslani (ter) Yogyakarta : Pustaka pelajar.
- Nor, M.R.M. (2011). Religious Tolerance in Malaysia : An Overview, *Middle-East Journal of Scientific Research*, 9 (1): hlm.23-27.
- Osman Bakar. (ed) (1997). *Islam & Confucianism : A Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur : Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Osman Bakar. (2003). *Islam Dialog Dan Peradaban. Menguji Universalisme Islam Dalam Peradaban Timur Dan Barat*. (Terj) Islam and Civilizational Dialogue: *The Quest for A Truly Universal Civilization*. Yogyakarta : Fajar Pustaka Biru.
- Rahimin Affandi Abd, Majid, Mohd Kamil Abd. Majid dan Mohd Anuar Ramli. (2006). *Dialog Antara Agama: Analisa Terhadap Prospek Masa Depan*, Prosiding Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat kebangsaan pada 18-19 Januari 2006. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam.
- Ramli Awang. (2008). *Dialog antara agama menurut perspektif Al-Quran*. Skudai Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sankar, L.V. (2013). Malaysian Editorials on The Allah Issue: A Critical Discourse Study, *Critical Inquiry in Language Studies*, 10 (1): hlm. 31-61.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman. *Beberapa Syarat Asas Dialog Antara Agama : Perhatian Ke Atas Beberapa 'Ayat-Kunci' Al-Quran*, Prosiding Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat kebangsaan pada 18-19 Januari 2006. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam.
- Yusri Mohammad Ramli. (2008). Mazlan Ibrahim dan Kamaruddin Salleh (penyunting). *Dialog Antara Agama di Malaysia : Perkembangannya Dalam Separuh Abad Selepas Merdeka, Islam Pasca Kemerdekaan*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn. Bhd.

Mustafa Kamal Amat Misra
Jaffary Awang
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
jaffary@ukm.my